

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

**BST 204/3 - Ekosistem Tropika**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

. ...2/-

1. Huraikan struktur dan komposisi ekosistem-ekosistem daratan tropika. Bincangkan faktor-faktor yang memainkan peranan yang penting dalam pembentukan ekosistem-ekosistem tersebut.

(20 markah)

2. Tanah hutan hujan tropika merupakan tanah yang tertua jika dibandingkan dengan hutan-hutan lain. Huraikan ciri-ciri tanah ini. Bincangkan bagaimana hutan hujan tropika mampu menampung populasi tumbuhan yang tinggi.

(20 markah)

3. Ekosistem tropika memainkan peranan yang penting di dalam pengawalaturan sistem ekologi. Bincangkan kesan pemusnahan ekosistem seperti ini ke atas kehidupan manusia.

(20 markah)

4. Apakah faktor-faktor persekitaran yang menentukan adaptasi-adaptasi organisma yang terdapat di dalam ekosistem akuatik. Huraikan **TIGA** (3) zon hidupan yang terdapat pada ekosistem marin.

(20 markah)

5. Bezakan antara hutan bakau, hutan paya gambut dan hutan paya air tawar. Hutan bakau merupakan ekosistem yang penuh ketegangan (stress). Terangkan bagaimana tumbuhan berupaya untuk menapak (colonize) di kawasan seperti itu. Apakah kesan sekiranya ekosistem ini diubah menjadi kawasan perindustrian atau pertanian?.

(20 markah)

...3/-

6. Tulis nota mengenai tajuk-tajuk berikut:-

- (a) Sinusia dan stratifikasi hutan tropika.
- (b) Kitar karbon.

(20 markah)

- ooo O ooo -